

563:
MAHATHIR

1975

SHAH ALAM, 20 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN RUGI \$450,000 KERANA 150 DARIPADA 600 ORANG PELAJAR INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) TIDAK LULUS PEPERIKSAAN TAHUN LEPAS, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

SERAMAI 550 ORANG DIJANGKA LULUS JIKA TIDAK KERANA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM TINDAK-TINDAK TANDUK YANG TIDAK MEMBERI FAEDAH, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS MENARIK BALIK BIASISWA SEPERTI YANG DILAKUKAN TERHADAP PENUNTUT INSTITUT PENGAJIAN TINGGI JIKA PARA PELAJAR ITU MASEH BERDEGIL.

KATANYA, SUNGGUHPUN PENUNTUT ITM TIDAK MENERIMA BIASISWA SEPERTI LAIN-LAIN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI KERAJAAN MENGUNTUKKAN \$3,000 SEORANG BAGI PELAJARAN, TEMPAT DUDUK DAN LAIN KEMUDAHAN DENGAN PERCUMA.

+PERUNTUKAN INI LEBIH ISTIMEWA DARIPADA BIASISWA+,
JELAS DR. MAHATHIR.

OLEH ITU SEMUA PENUNTUT HARUS SEDAR BAGAIMANA KERAJAAN MENITIK BERATKAN PELAJARAN DARIPADA KEBENDAAN.

+KAMI SUDAH TENTU MENGGUNAKAN WANG YANG DIUNTUKKAN ITU UNTUK MEMBINA JALAN, KUASA LETRIK DAN SEBAGAINYA JIKA TIDAK KERANA MENENTINGKAN PELAJARAN DARIPADA SEGALAGALANYA.+ TEGAS BELIAU. -- BERSAMBUNG 1422/LK

564:
MAHATHIR 2 SHAH ALAM

62

MENGENAI PERLANTIKAN DR. ARSHAD AYUB, SEBAGAI TIMBALAN GABENOR BANK NEGARA, DR. MAHATHIR BERKATA SEORANG PEGAWAI AKAN DILANTIK MEMANGKU JAWATAN PENGARAH ITM.

BELIAU BERKATA, PERTUKARAN DR. ARSHAD ITU TIDAK AKAN MENJEJAS PELAJARAN DI ITM KERANA +MUTU PELAJARAN TIDAK BERGANTUNG KEPADA PENTADBIRANNYA.+

TERDAHULU DARIPADA ITU DR. MAHATHIR TELAH DIBERI TAKLIMAT MENGENAI KEMAJUAN DAN PENTADBIRAN ITM OLEH PENGARAHNYA, DATUK DR. ARSHAD AYUB.

DR. ARSHAD BERKATA ENAM BUAH KAMPUS CAWANGAN LAGI SEDANG DIRANCANG DI JOHOR, PAHANG, PERAK, MELAKA, NEGERI SEMBILAN, KELANTAN.

KAMPUS DI JOHOR DIJANGKA SIAP PADA TAHUN DEPAN, PAHANG TAHUN 1977, PERAK 1978 DAN KELANTAN 1989. KAMPUS DI MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN DITUNDA BUAT SEMENTARA KERANA KEKURANGAN TANAH.

ADALAH DIJANGKAKAN KAMPUS-KAMPUS BARU ITU AKAN DAPAT MENAMPUNG 2,000 ORANG PENUNTUT SEMENTARA KAMPUS SHAH ALAM SERAMAI BILANGAN PELAJAR AKAN MENINGKAT KEPADA 8,000 MENJELANG TAHUN 1980. MATLAMAT JUMLAH PENUNTUT PADA TAHUN TERSEBUT IALAH 8,000.

SEHINGGA INI MARA MEMPUNYAI TIGA KAMPUS CAWANGAN IAITU KOTA KINABALU KUCHING DAN PERLIS. -- BERSAMBUNG 1426/LK

565:
MAHATHIR 3 SHAH ALAM

KETIKA DR. MAHATHIR MELSWAT KAMPUS ITU SERAMAI 150 ORANG PENUNTUT TELAH MENGADAKAN DEMONSTRASI SECARA AMAN DI DEPAN BANGUNAN PENTADBIRAN MEMBANTAH URA-URA KERAJAAN HENDAK MENARIK BALIK BIASISWA DAN PERLANTIKAN DR. ARSHAD SEBAGAI TIMBALAN GABENOR BANK NEGARA. -- BERNAMA 1427/LK